

16 MAR 2001

Dompok-Penggiliran

BN PERTAHAN PRINSIP SISTEM PENGGILIRAN JAWATAN, KATA DOMPOK

KOTA KINABALU, 16 Mac (Bernama) -- Pelantikan Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru menunjukkan Barisan Nasional (BN) mempertahankan prinsip sistem penggiliran jawatan itu dengan sedikit perubahan, kata Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok hari ini.

Dompok yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata beliau gembira kerana isu penggiliran jawatan itu sekarang telah selesai.

"Pihak kami menaruh harapan untuk bekerjasama dengan Chong sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru," kata beliau kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini.

"Saya berpendapat prinsip itu dipertahankan oleh BN dengan sedikit pindaan untuk mengambil keadaan dan realiti yang berlaku selepas pilihan raya negeri pada 1999," kata beliau.

Sistem penggiliran jawatan, yang diperkenalkan pada 1994, ialah untuk memberi peluang kepada pemimpin tiga masyarakat utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan masyarakat Cina -- menjadi ketua menteri masing-masing bagi penggal dua tahun.

Dr Mahathir, ketika mengumumkan pelantikan Chong hari ini berkata perubahan kecil akan dibuat pada sistem itu dan Umno akan menyandang jawatan itu untuk dua penggal berbanding satu penggal sekarang dan satu penggal bagi Bumiputera bukan Islam dan masyarakat Cina.

Ketika ditanya sama ada masyarakat Kadazandusun berasa dikesampingkan berikutan pelantikan Chong, Dompok berkata: "Apa yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah adil kepada masyarakat Kadazandusun bagi sokongan yang diberikan kepada BN.

"Saya berasa sedih mengenai keputusan pilihan raya pada 1999. Saya menjadi ketua menteri ketika itu, walaupun perdana menteri berjanji untuk membenarkan saya terus memegang jawatan itu jika saya menang, Saya tewas dalam pilihan raya itu dan bukan itu sahaja, parti kami hampir dimusnahkan," kata beliau.

"Walaupun selepas pilihan raya, timbalan perdana menteri menyebut tentang idea bagi saya terus menjadi ketua menteri...saya tidak dapat menerimanya kerana tahu tentang keputusan pilihan raya.

"Jika dilihat kepada komposisi Kabinet negeri sekarang, kami hanya menang dua kerusi tetapi kami mendapat dua jawatan menteri penuh dan seorang pembantu menteri," kata beliau.

Justeru, Dompok meminta masyarakat Kadazandusun memberi sokongan padu kepada BN bagi meneruskan pembangunan di negeri ini.

-- BERNAMA

NT FAZ